

Syor Iantik Dr. M Presiden OEA

UM - 7 AUG 2003

Oleh MARHAINIKAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Prof. Dr. Hadi Soesastro dari Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Indonesia (CSIS) menyarankan supaya diwujudkan Pertubuhan Asia Timur (OEA) dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi presiden pertamanya.

Menurutnya, Dr. Mahathir boleh menerajui pertubuhan itu selepas bersara hujung tahun ini.

“Kumpulan Asia Timur sebenarnya

sudah wujud dan ASEAN+3 telah meletakkan asasnya tetapi hasrat melihat penubuhan Komuniti Asia Timur (EAC) nampaknyahanyaakanber-jayadengan sokongan politik.

“Jadi marilah kita wujudkan pertubuhan yang kurang kontroversi. Mari fikir tentang OEA kerana kita perlu secara semula jadi memikirkan tentang rantau dan bukan hanya kepentingan negara,” katanya.

Penolong Ketua Pengarah CSIS itu menaruh keyakinan bahawa kepimpinan negara ini mampu menjuarai isu-isu serantau.

Beliau berkata demikian ketika mem-

buat rumusan pada sesi perbincangan bertajuk “Membina Institusi-institusi Asia Timur dan Peta Laluan Sidang Kemuncak Asia Timur” pada Kongres Asia Timur Pertama di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Dr. Noordin Sopiee berkata, Kongres Asia Timur Kedua akan diadakan pada Jun tahun depan.

Menurutnya, selaras dengan permintaan ramai, satu sesi berasingan mungkin diadakan khusus untuk golongan korporat dan ahli perniagaan pada kongres akan datang.